

KOSA KATA : KATA NAMA KHAS

(E) Kata Nama Khas ialah Nama yang diberi kepada seseorang, sesuatu benda, haiwan, tempat dan lain-lain. Lihat contoh-contoh di bawah ini. Kata Nama Khas ditulis dengan huruf pertama tiap kata dengan menggunakan huruf besar.

manusia / orang	Ahmad, Mansor, Gopal, Johnny, Manjit Singh, Mr Ong, Encik Tan, Encik Samy Cik Jane, Puan Tijah. Hang Jebat, Presiden Obama, Encik John Tan, Badang, Sultan Mahmud dll...
haiwan / binatang	Belang, Manja, Blackie, Rover, Putih, Roger, Silver, Sayang dll...
benda / barang(jenama)	Bata, Omega, Seiko, Parker, Adidas, Nike, Rolex, Yamaha, Honda Mercedes dll...
tempat / negeri/bandar	Singapura, Malaysia, Australia, Paris, London, Kuala Lumpur, Yishun, Sembawang, Bedok Road, Kampung Wak Hassan, Sekolah Rendah Murni, Mandai Zoo, National Stadium, Lapangan Terbang Changi, Masjid Sultan, Pawagam Capitol, Centre Point, Sentosa, Restoran al-Amin dll...
makanan / minuman	Maggi, Milo, Cadbury, Coca-cola, MacDonalds, Cheddar, Pepsi Cola, Gardenia, Kentucky Fried Chicken, Magnolia, Quaker Oats dll...
lain-lain	(hari dan bulan) Isnin, Selasa, Ahad, Januari, April, Disember, Syawal dll... Kamus Dewan, Berita Harian, Dewan Pelajar, Akar, Hikayat Hang Tuah dll... Islam, Hindu, Hari Natal, Kristian, Hari Raya Puasa, Deepavali dll...

KOSA KATA : KATA NAMA KHAS

(E1) Arahan: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan Kata Nama Khas yang sesuai. Gunakan huruf besar bagi huruf pertama. Pilih jawapan kamu daripada senarai di bawah ini

Adidas	Milo
Badang Yang Gagah	Pasar Geylang
Belang	Pasar Mini NTUC
Berita Harian	Pawagam Lido
Estet Perumahan Bedok	Restoran Al-Azhar
Masjid Sultan	Sekolah Rendah Indah

1. Pada hari Jumaat, ramai orang Islam pergi bersolat di _____.
2. Saya murid darjah 3 di _____.
3. Encik Lim jual ikan di _____.
4. Ayah belikan saya sepasang but bola _____.
5. Tiap-tiap hari, ayah saya baca surat khabar _____.
6. Semalam kami pergi menonton wayang di _____.

7. Saya minum segelas _____ tiap-tiap pagi.
8. Saya sedang baca buku cerita _____.
9. Ibu suruh saya beli gula pasir di _____.
10. Keluarga saya tinggal di _____.
11. Saya namakan kucing saya _____ kerana warna bulunya berbelang.
12. Kami sekeluarga pergi makan malam di _____
_____.

KOSA KATA : KATA NAMA KHAS

(E2) Arahan: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan Kata Nama Khas yang sesuai. Gunakan huruf besar bagi huruf pertama. Pilih jawapan kamu daripada senarai di bawah ini

Australia	Ramadan
Encik Tony Wee	Stadium Jurong West
Kristian	Tahun Baru Cina
Maggi	Taman Haiwan Mandai
Magnolia	Toyota
Nokia	Yishun Avenue 12

1. Orang-orang Islam berpuasa dalam bulan _____.
2. Mereka yang beragama _____ bersembahyang di gereja.
3. Ayah belikan saya sebuah telefon bimbit berjenama _____.
4. Sekolah kami terletak di _____.
5. Semua sekolah bercuti selama tiga hari pada _____.
6. Pengetua sekolah kami bernama _____.

7. Hari ini saya makan mi _____ .
8. Saya suka makan aiskrim _____ ,
9. Perlawanan bola sepak itu diadakan di _____
_____ .
10. Ayah saya baru beli sebuah kereta _____ .
terpakai.
11. Kami dapat lihat pelbagai binatang di _____
_____ .
12. Kanggaru banyak terdapat di _____ .

KOSA KATA : KATA NAMA KHAS

(E3) Arahan: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan Kata Nama Khas yang sesuai. Gunakan huruf besar bagi huruf pertama. Pilih jawapan kamu daripada senarai di bawah ini

Ahad	Pasir Ris
Disember	Lautan Pasifik
Dr John Lim	Majulah Singapura
Ferrari	Pantai East Coast
Hari Raya Puasa	Seiko
Hotel Murni	Stesen MRT Yishun

1. Ayah hadiahkan saya sebuah jam tangan _____ pada hari lahir saya yang kesepuluh.
2. Kami sekeluarga berpiknik di _____.
3. Orang-orang Islam sambut _____ setelah berpuasa sepanjang bulan Ramadan,
4. Kereta lumba _____ itu telah menang perlumbaan kereta itu.
5. Kami tidak ke sekolah pada hari Sabtu dan hari _____.
6. Saya dirawat oleh _____ di klinik itu

7. Datuk dan nenek saya tinggal di sebuah kondominium di _____.
8. Orang-orang Kristian sambut Krismas pada 25hb _____.
9. Sebuah feri telah tenggelam di _____.
10. Semua murid nyanyi lagu _____ semasa bendera Negara dinaikkan.
11. Saya tunggu kereta api di _____ untuk pulang ke rumah.
12. Semasa bercuti di Kuala Lumpur kami bermalam di _____.

KOSA KATA : KATA NAMA KHAS

(E4) Arahan: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan Kata Nama Khas yang sesuai. Gunakan huruf besar bagi huruf pertama. Pilih jawapan kamu daripada senarai di bawah ini

Ahad	Kallang
Bata	Lapangan Terbang Changi
Colgate	MacDonalds
Gunung Everest	Rashid Bin Samad
Istana	Singapore Expo
Jakarta	Sungai Kranji

1. Pembantu rumah saya berasal dari _____ di Indonesia.
2. Presiden Singapura tinggal di rumah rasminya yang dinamakan _____.
3. Kapal terbang itu akan mendarat di _____ pada pukul 8.00 malam.
4. Saya beli sepasang kasut _____ untuk dijadikan kasut sekolah saya.
5. Tiap-tiap kali saya berus gigi, saya gunakan ubat gigi _____.

6. Stadium Negara yang baru itu terletak di _____.
7. Kami hendak pergi ke pameran buku yang diadakan di _____.
8. Orang-orang Kristian Pergi ke gereja-gereja mereka pada hari _____.
9. Gunung tertinggi dalam dunia ialah _____.
10. Saya beli burger ini di _____.
11. Rahmat suka pancing ikan di _____.
12. Nama penuh kawan saya ialah _____.

KOSA KATA : KATA NAMA KHAS

(E5) Arahan: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan Kata Nama Khas yang sesuai. Gunakan huruf besar bagi huruf pertama. Pilih jawapan kamu daripada senarai di bawah ini

Ali Baba Bujang Lapok	Marina Bay
Angkatan Bersenjata Singapura	Muzium Negara
Bank Simpanan Pejabat Pos	Panggung Esplanade
Diri Saya	Perang Dunia Kedua
Hindu	Tadika Sparkle Tots
Maktab Rendah Republik	Transit Bus Service

- Selepas sekolah menengah, kakak saya belajar di _____.
- Saya sudah menonton filem _____
_____ sebanyak tiga kali.
- Ramai pemuda-pemudi bertumpu ke _____
_____ untuk menyambut tahun baru.
- Ibu bapa saya bawa saya menyaksikan konsert yang diadakan di _____.
- Adik saya belajar di _____ yang terletak di Woodlands.

6. Ramai orang yang terbunuh kerana bom semasa
_____.
7. Cikgu Maznah mengajar kami menulis karangan bertajuk
_____.
8. Deepavali disambut oleh mereka yang beragama
_____.
9. Saya tunggu bas _____ nombor
69 untuk pulang ke rumah
10. Saya pergi ke _____ untuk
menabung wang saya.
11. Ayah saya berpangkat sarjan dalam _____
_____.
12. Semasa berada di Kuala Lumpur kami dapat melawat
_____ di sana.